

ABE *pertahan* juara keseluruhan

UB 6.10.2018 A12

KOTA KINABALU: Kontinjen Audit, Bendahari dan Endowmen (ABE) mempertahankan gelaran juara keseluruhan acara tenis buat tahun kedua berturut-turut dengan menyapu bersih semua kategori yang dipertandingkan pada Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-17 2018.

Acaratenis yang berlangsung di gelanggang tenis UMS pada 13 September-4 Oktober itu mempertandingkan kategori perseorangan lelaki, beregu lelaki, beregu wanita dan beregu campuran.

Kejayaan ABE dimulakan perseorangan utamanya, Mohd Fadely Chin yang menewaskan pemain berpengalaman kontinjen Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Prof. Dr. Muhammad Suhaimi Taat dengan keputusan pro-set 7-4 pada perlawanan akhir yang

sengit.

Kemenangan Fadely itu menyemarakkan semangat rakan sepasukan dan disusuli dengan kemenangan beregu campuran menerusi gandingan Onnin Osthon/Donna Totu yang menewaskan gandingan Dr Joko Sulistyono/Natasa Hazelný (Black Panthers) 8-4.

Gandingan muda Jeniffer Leonard/Zulin Jiwin meneruskan penguasaan ABE walaupun dipaksa berhempas pulas sebelum mencatat kemenangan 8-4 ke atas satu lagi wakil kontinjen Black Panthers, Roslinda Sanan/Siti Norlizah Limat dalam kategori beregu wanita.

Gandingan Salleh Wahab/Al-Hami Zurairi kemudiannya melengkapkan kejuaraan bergaya ABE dengan menumpaskan pemain Versatile Azmi Jumat/Kasim

Utudiki dari Mix FKJI 8-1 dalam kategori terakhir beregu lelaki.

Gembira dengan kejayaan itu, pengurus pasukan tenis ABE, Salleh Wahab berkata, ia adalah hasil kesungguhan dan semangat juang pemain sepanjang kejohanan.

“Walaupun kebanyakan kami diwakili oleh pemain muda yang masih mentah dan kurang berpengalaman tetapi komitmen tinggi yang berterusan, sikap tidak mudah mengalah dan semangat berpasukan serta setiakawan yang ditunjukkan telah mendorong kami untuk memberikan yang terbaik untuk kontinjen ABE,” katanya.

Apapun katanya, keputusan pertandingan itu adalah perkara kedua kerana yang paling penting adalah wujudnya semangat

kekeluargaan di kalangan warga UMS dalam kejohanan itu.

“Sebenarnya kalah ataupun menang itu bukanlah menjadi prospek utama kami. Apa yang lebih penting adalah peluang untuk meningkatkan indeks keceriaan dan interaksi kekeluargaan di kalangan warga UMS menerusi aktiviti sukan yang diadakan,” katanya.

Sambil itu, pengerusi penganjur acara tenis Sukan Staf UMS 2018, Davis Juadis memuji semangat kesukanan tinggi yang ditunjukkan seramai 47 orang pemain pada kejohanan itu.

“Bagi pihak penganjur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para peserta yang telah menunjukkan komitmen dan semangat kesukanan yang terpuji sepanjang kejohanan



SKUAD tenis ABE pertahankan gelaran juara keseluruhan tenis Sukan Staf UMS.

ini diadakan,” katanya.

Tenis adalah salah satu sukan yang dipertandingkan pada Sukan Staf UMS yang diadakan sejak 20 Julai sehingga 5 Oktober 2018

berkenaan.

Acara lain yang turut dipertandingkan adalah futsal, bola tampar, sepaktakraw, ping-pong dan acara larian.

Sebanyak 17 kontinjen

mengambil bahagian yang dibentuk melalui gabungan antara jabatan, fakulti, pusat, institut, dan unit yang terdapat di UMS. Oleh VITALIS G BINGKASAN